


مجلس دائره يوغ فيغ

MAJLIS DAERAH YONG PENG
KM 1, JALAN LABIS,
83700 YONG PENG, BATU PAHAT,
JOHOR DARUL TA'ZIM

E-Mail: mdyp@johor.gov.my
Laman Web: www.mdyongpeng.gov.my



Tel: 07-467 1276 / 07-468 1026
Fax: 07-467 1712

Ruj. Kami : Bil.(22) dlm.MDYP 019/UU.04/24
Tarikh : 01 November 2022
Bersamaan 06 Rabiulakhir 144H

Tuan Pegawai Pengurus
Pilihan Raya Umum Ke-15
Parlimen 148 Ayer Hitam
Parlimen 147 Parit Sulong (kawasan Sri Medan)
Parlimen 149 Sri Gading (kawasan Parit Yaani)

Tuan,

MAKLUMAN MENGENAI PERMIT IKLAN PILIHANRAYA BAGI AKTIVITI BERKEMPEN SEMASA PILIHANRAYA (PRU) KE-15

Dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, pihak Majlis Daerah Yong Peng telah menggunakan Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (MDBPT) 1990 di dalam menguatkuasakan dan mengeluarkan PERMIT IKLAN PILIHANRAYA sehingga kini. UUK tersebut telah dipinda melalui pewartaan Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (MDYP) (Pindaan) 2020.

3. Pihak tuan adalah dimohon untuk mengambil perhatian perkara yang berikut:

a. Pihak Calon / Parti Politik Calon / Ejen Yang Dilantik Oleh Calon hendaklah membuat permohonan di Jabatan Pelesenan, Pejabat MDYP dan kuasa melulus adalah terletak hak di bawah Yang Dipertua MDYP – uuk 3(1).

b. Tempoh Permit Iklan Pilihanraya boleh diberikan sepanjang tempoh berkempen dan akan tamat pada hari yang berikutnya hari mengundi – uuk 5.

Contoh:

Jika Hari Penamaan Calon adalah pada 05 November 2022 dan Hari Mengundi adalah pada 19 November 2022, maka **tempoh permit** [yang dikeluarkan **bermula pada 05 November 2022** (selepas Pengisytiharan Nama-Nama Calon) **sehingga 19 November 2022**] akan tamat pada 20 November 2022.


c. Tempoh Pengalihan Iklan Pilihanraya adalah dalam masa 14 hari selepas hari mengundi – uuk 7.

Contoh:

Jika Hari Mengundi adalah pada 19 November 2022, maka **tempoh pengalihan** adalah bermula pada **20 November 2022 sehingga 3 Disember 2022**.

d. **Bayaran Deposit Permit** Iklan Pilihanraya adalah sebanyak **RM5,000.00** / Calon / Kawasan Parlimen / DUN – uuk 4(3). (Borang Permohonan permit disediakan)

(Kawasan Parlimen & DUN = Bahagian Pilihanraya Negeri yang dipersempadankan mengikut Perkara 116, Perlembagaan Persekutuan.)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO: 03405

e. **Pelucutan Hak Deposit Permit** Iklan Pilihanraya boleh berlaku **sekiranya terdapat pelanggaran syarat** permit atau UUK selepas alasan semasa pendengaran ditolak – uuk 9 (1).

f. Pengembalian Deposit Permit Iklan Pilihanraya akan dibuat selepas tamat 14 hari daripada tarikh tamat tempoh permit – uuk 9(2).

Contoh:

Jika tamat tempoh permit adalah pada 20 November 2022, maka **pengembalian deposit** akan bermula pada **04 Disember 2022 ke atas**. (Borang Tuntutan deposit disediakan)

g. Cara Mempamerkan Iklan Pilihanraya – uuk 10.

Cara-cara yang dibenarkan:

- i. Melekatkan pada papan tanda;
- ii. Menggantung pada pancang;
- iii. Menanam penopang ke dalam paras tanah; dan
- iv. Apa-apa cara yang ditentukan oleh MDYP.

h. Larangan Mempamerkan Iklan Pilihanraya – uuk 11.

Larangan:

- i. Mempamer tanpa permit;
- ii. Menutup tanda isyarat lalulintas;
- iii. Menutup tanda-tanda arahan;
- iv. Menutup lampu perhiasan;
- v. Merintang mana-mana lebu;
- vi. Merosakkan permukaan bangunan awam;
- vii. Mencatkan permukaan bangunan awam;
- viii. Menimbulkan sensitiviti, kebencian atau permusuhan antara agama, kaum dan keturunan;
- ix. Merayu undi berdasarkan alasan keagamaan, perkauman dan keturunan;
- x. Menggunakan tempat beribadat;
- xi. Menggunakan tanah, bangunan atau premis tanpa kebenaran pemilik; dan
- xii. Menggunakan premis, kenderaan atau alat komunikasi milik Kerajaan.

(Lebu = Tafsiran “Lebu” adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 2, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).)

i. Kompaun Iklan Pilihanraya.


Tindakan kompaun boleh dikenakan bagi:

- (i) Kesalahan mempamerkan iklan pilihanraya tanpa permit yang sah daripada MDYP di bawah uuk 3(1) sebanyak RM500.00.
- (ii) Lain-lain kesalahan yang dikenal pasti di bawah UUK & Akta.

j. Lain-Lain Bayaran Iklan Pilihanraya.

Lain-lain bayaran yang akan dikenakan:

Kadar **bayaran proses** permohonan **RM20.00** dan **permit iklan pilihanraya RM50.00** / Calon/ Kawasan Parlimen.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO: 03405

5. Sehubungan itu, pihak MDYP memohon pihak tuan dan Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihanraya (PP-KPR) yang telah dilantik di bawah SPR, mengambil maklum mengenai keperluan Permit Iklan Pilihanraya bagi setiap Calon / Parti Politik Calon yang bertanding dan berkempen semasa PRU Johor Ke-15.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI NUR FAIZ BIN JAMIL)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Yong Peng

- s.k i. Tuan Setiausaha
- ii. Edaran dalaman Ketua-ketua Jabatan MDYP

HNFJ/MNAS..ppuu.2022



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO: 03405